



Teks ucapan Aluan

YBhg. Profesor Dr Asmadi bin Mohamed Naim,

**Naib Canselor Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam
Shah (UniSHAMS)**

PROGRAM KOMUNITI PRIHATIN, SEJAHTERA BERSAMA

Anjuran

UniSHAMS & PEKEMA INTERNATIONAL

SALUTASI

Yang berusaha Saudara Pengerusi Majlis;

Yang Berhormat Dato' Hajjah Siti Zailah binti Mohd Yusoff

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat

Yang Berhormat Tuan Sabri bin Azit

Ahli Parlimen Jerai

Yang Berhormat Dato' Hajjah Siti Ashah binti Ghazali

Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman

Yang Berhormat Ustaz Mohd Azam bin Abdul Samat

Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Limau

Yang Berhormat Datuk Wira Dr Ku Abdul Rahman bin Ku Ismail

Ahli Dewan Undangan Negeri Guar Cempedak

Yang Mulia Tunku Iskandar Shah bin Tunku Muzaffar Shah

Pegawai Daerah Yan

Yang Berbahagia Dato' Dr Abdul Halim bin Hussain

Presiden Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa (PEKEMA International)

Yang Berbahagia DSP Shahnaz Akhtar bin Haji

Ketua Polis Daerah Yan

Yang Berbahagia Profesor Dr Nooraniza binti Ishak

Ketua Kluster Kesejahteraan & Keharmonian Sosial

Universiti Utara Malaysia

Yang Berbahagia Profesor Madya Dr Nor Shafrin binti Ahmad

Pengerusi Rancangan Sarjana Kaunseling

Universiti Sains Malaysia

Barisan pengurusan tertinggi UniSHAMS

Dato'-dato', datin-datin, Pegawai-pegawai, wakil-wakil jabatan, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

Asslamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, marilah bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-NYA, dapat kita bersama-sama dalam Program Komuniti Prihatin, Sejahtera Bersama Anjuran UniSHAMS dengan kerjasama Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa (PEKEMA International).
2. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Hajah Zailah binti Mohd Yusuff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat dan barisan tetamu vvip yang dihormati sekalian kerana berkesudian bersama-sama pada pagi ini bagi menjayakan salah satu program tanggungjawab universiti atau USR untuk menyantuni masyarakat negeri Kedah Darul Aman amnya dan khususnya penduduk daerah Yan ini dalam memberikan komitmen dan rasa tanggungjawab kepada komuniti setempat.
3. Dato'-dato' datin-datin para tetamu sekalian,

Seperti yang kita ketahui selepas tragedi kepala air di Gunung Jerai pada 18 Ogos 2021, telah mengakibatkan kemusnahan kediaman, menjejaskan sumber pendapatan setempat dan juga tragedi kematian 6 mangsa terkorban dihanyutkan aurs deras dikala pandemik Covid 19 melanda diseluruh dunia ketika ini. Oleh itu, UniSHAMS mengambil langkah prihatin telah membuat perbincangan bersama dengan Persatuan Kaunselor Malaysia Antarabangsa atau PEKEMA International bagi membincangkan aktiviti bersempena dengan Bulan Kaunseling Kebangsaan 2021 dan bersetuju bagi mengadakan satu program sokongan psikologi yang dirasakan sangat perlu diberikan kepada mangsa tragedi ini.
4. UniSHAMS bukan sahaja sebuah Universiti dibawah kerajaan negeri Kedah yang memberi fokus melahirkan ilmuan dan pelbagai bidang pengajian tetapi juga ingin memanfaatkan kepakaran sedia ada dalam menyalurkan khidmat sokongan kepada komuniti terkesan. Ini menunjukkan kepakaran yang dimiliki UniSHAMS bukan hanya dalam skop pengajian akademik sahaja tetapi juga mampu diimplimitasikan ke dalam masyarakat sekitar khususnya Negeri Kedah Darul Aman.

UCAPAN TERIMA KASIH

5. Saya juga sukacita ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang telah memberikan kerjasama yang terbaik dalam merialisaikan program ini khususnya kepada Dato' Dr Abdul Halim Bin Mohd Husin selaku Presiden PEKEMA International dan juga rakan kerjasama program Komuniti Prihatin, Sejahtera Bersama ini. Selain itu, saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Mulia Tunku Iskandar Shah bin Tunku Muzaffar Shah pegawai daerah Yan kerana telah memberikan ruang dan peluang kepada kami bagi menjalankan program ini.
6. Tidak dilupakan DSP Shahnaz Bin Haji Ketua Polis Daerah Yan, Prof. Dr Nooraniza binti Ishak dari UUM, Prof. Madya Dr Nor Shafrin binti Ahmad dari USM, Puan Normi Hanim binti Abd Majid iaitu Kaunselor Pendidikan Daerah Yan, Tuan Mokharuddin bin Mahamad dari Pejabat Penghulu Mukim Yan, Tuan Roslan bin Ishak pegawai Kebajikan Masyarakat daerah Yan, Tuan Surenthiran Pilai A/L Venayagam Pilai dari bahagian Psikologi, Jabatan Perkhidmatan Awam, , dan seluruh tenaga kerja dan sukarelawan dari UniSHAMS, UUM & USM yang bertungkus lumus sehingga program ini dapat direalisasikan Alhamdulillah.

PENUTUP.

1. Sebelum saya mengakhiri ucapan, suka untuk saya nyatakan bahawa UniSHAMS punyai visi yang jelas menjadi Universiti Islam global dengan berintegrasikan ilmu dan kebijaksanaan. UniSHAMS bukan sahaja ingin melahirkan mahasiswa berilmu malah mampu mempraktikan ilmu yang dipelajari selaras dengan Visi dan Misi Universiti. Program yang seumpama ini sangatlah baik dalam melahirkan ilmuan yang holistik dan profesional berakhlak serta terkehadapan dalam semua bidang ilmu yang dipelajari InsyaAllah.

2. Marilah kita sama-sama berdoa agar Program Komuniti Prihatin Sejahtera Bersama 2021 di Daerah Yan ini dapat berjalan dengan lancar. Semoga Allah Taala terus melimpahkan perlindungan dan peliharaan-Nya kepada kita semua untuk terus komited berbakti untuk agama, bangsa dan tanah air yang tercinta.
3. Dengan kata-kata itu saya sudahi ucapan saya Wabillahi taufiq wal hidayah, assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh.